

# Timbalan PM lancar majlis koperasi

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

KOTA BHARU, Selasa.— Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam akan melancarkan satu era baru dalam pergerakan koperasi bertemakan 'zaman pudar ke zaman cerah' di seluruh negara pada 28 Januari ini, di Dewan Tun Abdul Razak Universiti Kebangsaan di Bangi.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Sanusi Junid memberitahu para pemberita selepas majlis meraikan beliau dianjurkan oleh MAYC Kelantan di Dewan Belia di sini, petang semalam.

Seramai 300 orang ahli dari 150 buah koperasi di seluruh negara akan hadir di majlis pelancaran itu.

Datuk Sanusi berkata, koperasi-koperasi di negara ini akan digabungkan di bawah Kementeriannya.

Menurut beliau, Timbalan Perdana Menteri akan membuat pengumuman daerah-daerah yang akan dipilih untuk dilaksanakan koperasi pembangunan daerah.

Koperasi itu adalah dalam konsep baru melibatkan seluruh masyarakat dalam sesuatu daerah akan

bergotong-royong dalam melaksanakan projek-projek.

"Sebagai ahli koperasi, mereka akan bergotong-royong melaksanakan berbagai projek di daerah-daerah yang terpilih," katanya.

Datuk Sanusi memberitahu, pergerakan koperasi itu terbuka untuk penduduk di sesebuah daerah yang terpilih dan penjualan saham-saham akan dibuka dengan kadar \$5 satu saham.

## Terpilih

Ahli jawatankuasa koperasi daerah akan dibentuk dan dipilih di peringkat daerah masing-masing.

Semua pergerakan koperasi daerah akan digabungkan di dalam koperasi pembangunan nasional yang akan dilancarkan itu.

Katanya lagi, koperasi-koperasi yang sedia ada boleh bergabung dalam koperasi itu bagi menggerakkan satu koperasi yang kukuh dan berjalan licin.

Di samping itu, Datuk Sanusi berkata, buku mengenai undang-undang kecil koperasi daerah telah siap dicetak untuk diedarkan kepada orang ramai memahami hasrat dan tujuan koperasi itu.